

CERITA BIAWAK DI ZAMAN NABI MUHAMMAD (SAW)

Diriwayatkan oleh al-Dār Qaṭnī, al-Bayhaqī dan gurunya al-Hākīm serta diriwayatkan pula oleh gurunya ibn ‘Adī daripada ibn ‘Umar bahawa Nabi (SAW) – pada suatu hari – sedang berada dalam suatu majlis sahabat-sahabatnya, tiba-tiba datang seorang *A ‘rābī* (orang Arab gunung) dari puak nabi Musallam yang telah memburu seekor ((ḍab)) (biawak) dan disimpan dalam senjenis karung dengan tujuan hendak membawa balik.

Orang *I ‘rābī* itu telah melihat suatu kumpulan orang ramai sedang meraikan Nabi (SAW) lalu ia bertanya mengapa mereka berkumpul dan siapa orangnya yang mereka raikan? Mereka menjawab bahawa orang yang diraikan itu ialah seorang yang mendakwa dirinya nabi.

Iapun pergi mendapatkan Nabi (SAW) lalu berkata: Ya Muḥammad (Maksudnya mengatakan nabi seorang pendusta dan rasa-rasa hendak membunuhnya). Kata-katanya itu menyebabkan Sayidina ‘Umar marah lalu meminta izin supaya si *I ‘rābī* itu dibunuh. Nabi menyabarkan Sayidina ‘Umar.

I ‘rābī itu pun menyambung katanya dan menyatakan dengan berterus-terang: ((Demi al-Lāṭta dan al-‘Uzzā (nama berhala-berhala yang dipujanya), saya tidak akan beriman kepada tuan sehingga binatang ((ḍab)) (biawak) ini beriman kepada tuan.)) Ia pun mengeluarkan biawak ((ḍab)) itu dari tangan bajunya dan diletakkan dia di hadapan Rasulullah (SAW).

Nabi pun bertanya kepada biawak itu, ujaranya: ((Wahai biawak)). Lalu dijawab oleh biawak

itu dengan bahasa Arab yang fasih yang difaham oleh sekalian hadirin:

((*Labbayka wa sa ‘dayka yā Rasūl Rabb al- ‘ālamīn*))

Nabi melanjutkan pertanyaannya ujaranya:

((Siapa yang engkau sembah?))

Biawak menjawab: ((Saya sembah Tuhan yang terletak arasy-Nya di langit, dan kekuasaan-Nya di bumi, dan jalan-Nya di laut, dan rahmat-Nya di syurga, dan azab-Nya di neraka.))

Rasulullah bertanya lagi: ((Aku ini siapa wahai biawak?)).

Dengan petahnya biawak menjawab: ((Tuanlah pesuruh Tuhan sekalian alam, dan kesudahan segala Nabi. Sesungguhnya telah berjayalah orang yang membenarkan tuan, dan hampalah orang yang mendustakan)).

Mendengarkan itu *I ‘rābī* pun mengucapkan dua kalimah syahadah dan menambah kata: ((Saya datang kepada tuan – yā Rasulullah – sedang tidak ada orang di atas muka bumi ini yang lebih benci kepada tuan daripada saya. Demi Allah, dari saat ini, tuan adalah lebih kukasihi daripada diri saya sendiri dan anak-anak saya. Sesungguhnya bulu roma dan kulit badan saya, batin dan zahir saya, rahsia dan kenyataan saya, semuanya telah beriman kepada tuan.))

Kata-kata *I ‘rābī* yang demikian, dijawab oleh Rasulullah (SAW), ujaranya:

((Segala puji bagi yang telah memberi pertunjuk kepadamu untuk memeluk agama yang tertinggi dan tidak ada sesuatu yang mengasihinya. Agama yang tidak diterima oleh Allah *‘Azza wa Jalla* melainkan dengan sembahyang, dan

sembahyang itu tidak diterima olehnya dengan tidak

bersendikan bacaan Quran.))

Akhirnya *I'rabī* itu meminta Rasulullah mengajarkan dia dan baginda pun mengajarnya surah al-Fātiḥah dan *qul huwa Allāhu aḥad*. Dan kerana dia seorang miskin, maka baginda bersama-sama dengan sahabat-sahabatnya memberikan hadiah-hadiah yang banyak.

Sekianlah ceritanya.

Dari Hal Kita

Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah bahawa Qalam dengan keluarannya ini dapat menggunakan huruf-huruf dengan menggunakan jentera *intertype*. Selain daripada ia sentiasa baharu maka cetaknya tentunya lebih bersih; dan kita berkeyakinan inilah pertama-tama majalah Melayu menggunakan huruf-hurufnya daripada jentera *intertype*.

Dengan adanya jentera ini ertinya percetakan Qalam telah melangkah lagi setapak ke hadapan dalam kemajuannya di dalam perusahaan percetakan dan penerbitan. Dengan adanya jentera baharu ini maka percetakan Qalam telah mempunyai dua buah jentera *intertype*.

Mudah-mudahan usaha kita ini mendapat perhatian yang khusus daripada umat Melayu dan juga kerajaan Singapura dan Persekutuan supaya tidak memandang kecil lagi atas kebolehan-kebolehan percetakan Melayu. Perkembangan percetakan Melayu sekarang berhajat kepada bantuan dan sokongan serta kerjasama kerajaan terutamanya dalam masa menjalankan tugas bersama dalam perkembangan menjadikan bahasa Melayu bahasa rasmi.

Membantu percetakan Melayu bererti menambah lagi galakan dalam perkembangan persuratan Melayu kerana

pencetak-pencetak Melayu ini bukannya sahaja sebagai percetakan yang hanya menerima upahan tetapi mereka juga banyak jasanya dalam perkembangan bahasa Melayu, dan akan sentiasa berusaha mengayakan alam persuratan Melayu dengan menerbitkan buku-bukunya lagi.

Selain daripada itu maka langkah yang kita tuju sekarang tidak sahaja hanya menerima upahan-upahan mencetak tetapi juga kita berusaha, *insya-Allāh* akan menerbitkan sebanyak-banyaknya buku pengetahuan sama ada mengenai bacaan-bacaan di sekolah-sekolah dengan menggunakan huruf rumi tetapi juga buku-buku bacaan jawi dan kitab-kitab pelajaran agama. Kerana itu kita mempelawa cerik pandai bangsa kita menyertai kita ini dengan menghantarkan karangan-karangannya kepada kita untuk diterbitkan iaitu setelah kita adakan persetujuan kepada kedua-dua belah pihak. Mudah-mudahan Allah memberi taufik dan hidayah-Nya kepada kita bersama – Āmin.

BUKU-BUKU RUMI KELUARAN			
QALAM:			
356/8, Geylang Rd., Singapore 14.			
1. Surat Menyurat			
(oleh A.H. Edrus)			\$1.50
2. Jalan ka-Kota Bharu			
(oleh Anuar)	...		1.50
3. Panduan Kepada Pekedai-pekedai			
3. Panduan Kepada Pekedai Kechil			
(oleh H. M. Hassan).			0.70
4. Penglipur 1 (kumpulan cherita-cherita			
Pendek Karangan Ahmad			
dan Anuar)	...		1.50
5. Akhlak	1.20
6. Pendidekan.	...	1.25	
Pemesan-pemesan hendaklah menyebutkan			
huruf rumi, kerana ada diantara nas-			
khah-naskhah ini yang menggunakan Huruf			
Jawi.			
Pesanan-pesanan hendaklah ditambah 10			
cts. kerana belanja <i>Stamp</i> .			